

# MPSepang sita 13 lembu

**P**UTRAJAYA: Kedegilan pemilik lembu membiarkan haiwan ternakan itu berkeliaran tanpa kawalan di kawasan Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek, mengundang padah apabila 13 lembu berkenaan disita penguat kuasa Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dalam dua operasi pada Rabu dan Khamis lalu.

Operasi dua hari membabitkan tujuh pegawai penguat kuasa MPSepang itu dijalankan selama tujuh jam bermula jam 11 malam hingga tujuh pagi.

Pengarah Penguatkuasaan MPSepang, Mohd Azran Musa berkata, semua lembu berkenaan disita selepas pihaknya menerima aduan orang ramai mengenai lembu berkeliaran tanpa pengawasan di sekitar lokasi berkenaan.

Menurutnya, kewujudan lembu di kawasan itu tanpa kawalan boleh mengundang ketidakselesaan penduduk, terutama mereka yang menggunakan laluan di-situ, selain mencacatkan pemandangan.

"Kita khuatir lembu berkenaan mengganggu pengguna jalan raya yang menggunakan laluan di kawasan Pantai Sepang Putra, selain boleh mengundang kemalangan sekiranya bertembung dengan kenderaan."

"Tindakan ini juga bagi mengelakkan kawasan sekitar dicemari najis haiwan itu, selain mendidik pemilik haiwan supaya tidak mengulangi kesalahan terba-

**Kewujudan lembu di kawasan itu tanpa kawalan boleh mengundang ketidakselesaan penduduk, terutama mereka menggunakan laluan di situ**

bit," katanya, semalam.

Mohd Azran berkata, lembu yang disita itu dimiliki seorang penduduk yang juga penternak persendirian, dan kini ia ditempatkan di depoh simpanan sementara di Kampung Ulu Chuchoh, Sepang.

Beliau berkata, tindakan menyita lembu itu dilakukan mengikut Enakmen Lembu dan Kerbau 1971.

"Pemilik lembu terbabit perlu membayar RM250 kompaun bagi seekor lembu. Jadi, dia perlu membayar kompaun RM3,250 kepada MPSepang untuk menuntut kembali semua haiwan ternakannya."

"Justeru, kami memberi amaran kepada pemilik haiwan supaya tidak membiarkan ternakan masing-masing tanpa pengawasan kerana kami tidak teragak-agak menyita dan mengejek kompaun kepada mereka," katanya.

Beliau turut meminta kerjasama penduduk di sekitar Sepang supaya segera menyampaikan maklumat kepada pihaknya sekiranya ada lagi pemilik haiwan yang ingkar membiarkan haiwan mereka berkeliaran tanpa pengawasan.